

BAB 1 – PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

1. “Sewa dibayar perlu diselaraskan dengan sewa terdahulu untuk suatu tempoh perakaunan sebelum dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.”

Apakah konsep perakaunan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut.

2. Nyatakan konsep-konsep perakaunan yang berkaitan dengan situasi yang diberikan di bawah.

Situasi	Konsep
Puan Maimunah merekodkan bayaran sewa rumah kediamannya dengan menggunakan wang tunai perniagaannya ke dalam akaun ambilan	
Kedai Runcit Pak Abu merekodkan belian mesin kira RM50 ke akaun Alatan pejabat	

3. Urusniaga berikut adalah berkaitan Perniagaan E-Mobile yang menjual telefon bimbit. “Membeli 3 unit telefon bimbit model Samsung Note 4 daripada Syarikat U-Mobile secara kredit dengan Harga RM 2 500 seunit. Jumlah belian adalah sebanyak RM7 500”.

Nyatakan dua konsep perakaunan yang digunakan untuk merekod urusniaga tersebut.

4. Nyatakan konsep perakaunan yang berkaitan dengan situasi yang diberi.

Situasi	Konsep
Encik Qoyyum membayar bil kadar bayaran rumah kediamannya dengan cek perniagaan dan merekod sebagai ambilan.	
Perniagaan Sungguh Sokmo telah menetapkan tahun perakaunannya berakhir pada 31 Disember setiap tahun.	

5. Perniagaan Andre mengamalkan konsep, andaian dan prinsip asas perakaunan tersebut.

Perniagaan Andre menjangkakan akan memperolehi keuntungan RM72 500 pada tahun hadapan, namun perkara ini tidak dilaporkan lagi dalam Penyata Kewangan bermula 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2014.

Nyatakan dua konsep, andaian dan prinsip asas perakaunan tersebut?

6. Pada 1 April 2012, premis dibeli dengan harga RM200 000. Pada 31 Mac 2013, premis tersebut dinilai semula sebanyak RM250 000. Amana manakah yang akan direkodkan dalam Kunci Kira-kira? Nyatakan prinsip perakaunan yang mesti dipatuhi.

Aman	Prinsip Perakaunan

- 7. Nyatakan konsep-konsep perakaunan yang berkaitan dengan situasi yang diberikan.
 - i) Cadangan mengubah kaedah pengiraan susut nilai aset bukan semasa tidak dipersetujui oleh akauntan Syarikat Teguh Makmur.
 - ii) Hasil yang diperolehi Syarikat Teguh Makmur sepanjang tahun 2012 harus dibandingkan dengan belanja yang dikenakan terhadapnya dalam tempoh perakaunan yang sama.

- 8. Nyatakan konsep perakaunan yang berkaitan dengan situasi yang diberikan

Situasi	Konsep Perakaunan
Encik Ahmad membayar sewa rumah kediamannya dengan menggunakan tunai perniagaannya	
Syarikat Melati telah menetapkan kaedah ansuran tetap dalam pengiraan susut nilai tahunan kenderaannya	

- 9. Jualan barang niaga kepada Encik Ahmad RM1 600 direkodkan ke dalam Akaun Jualan dan Akaun Ahmad

Berikan dua konsep perakaunan yang berkaitan.
